

IPMB UMS kendali kursus ternakan udang galah

UB 17.10.17 B5

KOTA KINABALU: Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) dengan kerjasama Entrepreneurship Research and Development Centre (ERDEC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan kursus keusahawanan akuakultur ternakan udang galah dan ikan tilapia di Hatceri IPMB.

Kedua-dua kursus itu merupakan sebahagian daripada keseluruhan program keusahawanan yang diadakan oleh IPMB di samping kursus penternakan timun laut, ikan keli, akuaponik dan penanaman rumpai laut.

Kursus udang galah dan ikan tilapia itu dilaksanakan secara serentak selama dua hari dan telah berjaya menarik seramai 32 bakal



NELSON (kiri) bersama Amat Jutrah (kanan).

usahawan dari seluruh Sabah termasuk beberapa staf dan pelajar UMS.

Bagi kursus ternakan udang galah, peserta telah diberikan bimbingan oleh Pensyarah IPMB Prof Madya Dr Annita Yong Seok Kian dengan

bantuan beberapa pembantu teknikal hatceri iaitu Allwie Romzi, Imrah Rubin, Muslim Mantaha, Frederik Nasip, Fridaus Paidi dan Christine Anthonius sebagai fasilitator.

Kursus ternakan ikan tilapia



PESERTA kursus ikan tilapia bergambar kenangan.

pula telah dibimbing oleh Dr Lim Leong Seng dan Prof Madya Dr Julian Ransangan manakala fasilitator terdiri

daripada Isabella Ebi, Rian Freddie Firdaus dan Tan Chin Yueh.

Manakala kursus rumpai laut, timun laut, ikan keli dan akuaponik dibimbing oleh Prof Dr Rossita Shapawi, Prof Madya Dr Sitti Raehanah Muhammad Shaleh, Dr Rafidah Othman, Dr Faihana Ching dan Dr Abentin Estim.

Annita berkata tujuan kursus udang galah adalah untuk memberi dan berkongsi ilmu dengan semua peserta berhubung teknik penternakan udang galah secara khususnya dan teknik akuakultur secara amnya.

Beliau berharap agar lebih ramai pengusaha ternakan air tawar dapat dilahirkan di Sabah kerana ia boleh memberikan pulangan

pendapatan yang baik kepada mereka.

Dalam kursus udang galah, Nelson Ng Nye Sheong yang berasal dari Ipoh, Perak dan sekarang menetap di Apin-Apin, Keningau sudah lebih 17 tahun, merasa gembira dan amat berterima kasih kepada pihak penganjur kursus berkenaan.

Ya kerana, beliau telah mendapat ilmu yang terkini mengenai teknik penternakan udang galah sekali gus boleh digunakan untuk memulakan perternakan udang di enam kolamnya di Apin-Apin.

Dua peserta staf UMS yang akan bersara pada tahun hadapan iaitu Amat Jutrah Haji Musnih dan Abdul Latif Salleh telah mengambil peluang mengikuti kursus itu sebagai persediaan

apabila bersara daripada perkhidmatan masing-masing.

Mereka berkata walaupun ketika ini belum ada apa-apa persediaan kolam namun setelah mengikuti kursus ternakan udang galah itu, ia telah menampakkan satu keberhasilan terbaik yang boleh dilaksanakan apabila kembali ke kampung masing-masing.

Fasilitator kursus ternakan udang galah, Christine Anthonius berkata kursus itu sememangnya dapat memberikan informasi yang terbaik kepada semua peserta bagi mereka yang menceburi diri bidang ternakan udang galah.

Peserta kursus ternakan ikan tilapia yang juga merupakan kakitangan UMS, Edwin Lumbating dan Regina Delinting berkata selain menambah ilmu pengetahuan, ia juga dapat mendorong serta memberikan suntikan semangat golongan muda untuk mendekati bidang penternakan akuakultur yang sudah tentu akan memberikan pulangan yang hebat kepada keluarga.

Semua peserta kursus mengharapkan agar lebih banyak penganjuran seperti itu akan diadakan pada masa hadapan untuk mendapat pengetahuan dan teknik penternakan akuakultur.

Pada akhir program itu, semua peserta menerima sijil penyertaan daripada pihak ERDEC.



PESERTA menunjukkan sijil penyertaan yang diterima daripada ERDEC.